

**TEKS UCAPAN YB TUAN ANTHONY LOKE MENTERI
PENGANGKUTAN MALAYSIA SEMPENA PERHIMPUNAN
BULANAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

TARIKH: 11 MAC 2026 (RABU)

MASA: 5:30 PETANG

**TEMPAT: DEWAN SENTRAL RAC, ARAS 2,
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

Yang Berhormat **Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah,**
Timbalan Menteri Pengangkutan

YBhg. **Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan,**
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia

YBrs. **Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid,**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Datuk Mohamed Sharil Tarmizi,
Pengerusi,
Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)

Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan, Puan-puan,

1. PEMBUKA BICARA & PENGHARGAAN

Salam sejahtera, Salam Ramadan Mubarak, dan Salam Malaysia MADANI. Terima kasih kepada seluruh warga Kementerian Pengangkutan (MOT). Kita berkumpul hari ini bukan sekadar untuk rutin bulanan, tetapi untuk memperbaharui tekad.

2. AMANAH, INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI

Tuan-tuan/Puan-puan,

Dalam usaha meningkatkan pembangunan infrastruktur dan menarik minat rakyat menaiki pengangkutan awam, kita telah diuji dengan isu integriti pelaksanaan. Liquidated Ascertained Damages, atau LAD sebanyak RM9.1 juta ke atas kontraktor Aerotrain KLIA dan RM475 juta bagi projek LRT3 adalah bukti nyata kegagalan kontraktor memenuhi janji. Malah, gangguan LRT Kelana Jaya akibat tren lama dan sistem brek sensitif telah menggugat kepercayaan awam.

Hadirin sekalian,

Ketegasan dalam memperbaiki kegagalan sedia ada adalah penting, namun pada masa yang sama, kita tidak boleh berhenti

daripada terus meluaskan capaian perkhidmatan kita ke kawasan yang memerlukan.

3. TRANSFORMASI PENGANGKUTAN AWAM

Baru-baru ini sebelum cuti Tahun Baru Cina, ramai yang membuat aduan jalan raya khususnya di Kuala Lumpur menjadi begitu sesak. Fenomena ini menyebabkan ada yang bertanya, apakah hala tuju kita.

Saya telah minta supaya perkara ini diteliti dan 1 Kertas Dasar bagi merangka hala tuju negara menangani kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur disediakan. Saya sangat berharap ianya boleh menjadi panduan merangka polisi kesesakan jalan raya yang semakin meruncing di ibu negara.

Sebagai gambaran, menurut laporan terkini daripada TomTom Traffic Index, tahap kesesakan trafik di Kuala Lumpur meningkat kepada sekitar 43.4 peratus pada tahun 2025, iaitu kenaikan 0.9 mata peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini bermakna perjalanan sejauh 10 kilometer di ibu negara mengambil hampir 18 minit secara purata, dengan seorang pemandu boleh kehilangan sehingga sekitar 84 jam setahun akibat kesesakan lalu lintas.

Tuan-tuan/Puan-puan,

Selama ini, rakyat di luar Lembah Klang terutama di kawasan pantai timur, sering merasa terpinggir daripada arus pemodenan pengangkutan awam yang sistematik.

Tanpa intervensi segera, jurang sosial akan terus melebar. Rakyat luar bandar akan terus terperangkap dalam kitaran kos sara hidup yang tinggi kerana terpaksa bergantung sepenuhnya kepada kenderaan peribadi yang agak membebankan mereka.

Oleh itu MOT menawarkan BAS.MY. Baru baru ini kita telah lancarkan di Kuantan pada 11 Februari dan Kota Bharu pula pada 29 Januari. Kita bukan sekadar melancarkan bas, kita menyediakan sistem pengangkutan. Penekanan seterusnya adalah pada aspek reliability—bas mesti sampai tepat pada masanya.

Sambil kita memperkasakan bas di jalan raya, transformasi rel negara juga sedang melakar sejarah baharu yang bakal mengubah landskap ekonomi negara secara total.

4. MASA DEPAN REL

Pada **11 Feb 2026, Golden Tren EMU (Electric Multiple Unit)** dan **E-LoCo** bagi projek ECRL telah selamat tiba.

Ini bukan sekadar tren; Ini merupakan simbol kemajuan pengangkutan hijau dalam negara kita. Dengan ketibaan set tren ini, kita semakin hampir untuk merealisasikan visi menghubungkan Pantai Timur dan Pantai Barat dengan sistem pengangkutan yang moden, pantas, dan lestari.

Demi keselamatan dan keselesaan rakyat, Saya mahu pasukan ECRL memastikan segala ujian teknikal dijalankan tanpa sebarang kompromi

Sambil kita memacu masa depan melalui rel yang canggih, kita tidak boleh mengabaikan pengurusan sisa-sisa pengangkutan masa lalu (kenderaan lama) yang kini membebankan bandar-bandar kita.

5. DIGITALISASI DAN KELESTARIAN: E-DEREG & AATF

Isu lambakan kenderaan akhir hayat (End of Life Vehicles) yang buruk dan terbiar di bahu jalan bukan sahaja menyakitkan mata, malah menjadi punca masalah kesihatan dan kacau ganggu kepada masyarakat.

Jika pelupusan kenderaan kekal dengan cara lama, kita akan mewujudkan "kubur kenderaan" gergasi yang mencemarkan alam sekitar melalui sisa kimia dan menghalang kelancaran lalu lintas di kawasan perumahan.

Melalui sistem e-Dereg dan pusat AATF (Authorised Automotive Treatment Facilities), kita mempermudah rakyat untuk melupuskan kenderaan secara sah dan digital. Kita mahu membersihkan ruang awam dan menukar sisa menjadi nilai ekonomi.

Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa segala usaha dan perancangan domestik yang kita laksanakan ini tidak mampu lari daripada ketidaktentuan geopolitik global.

6. CABARAN GLOBAL: KONFLIK TIMUR TENGAH

MOT juga sedang memantau dengan teliti perkembangan konflik di Asia Barat. Kita sedia maklum bahawa rantau tersebut merupakan nadi kepada laluan perdagangan dan tenaga dunia. Sebarang konflik di sana mempunyai kesan rantaian langsung terhadap ekonomi dan sistem pengangkutan dunia.

Sebagaimana pesanan YAB Perdana Menteri, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk bersedia menghadapi segala

kemungkinan. Bersedia di sini bermakna kita perlu lebih bijak dan berhemat. Dimana kita harus menjangkakan kemungkinan berlaku gangguan dalam tempoh penghantaran barangan import.

Tuan-tuan/Puan-puan,

Perang di luar sana adalah peringatan pahit tentang betapa rapuhnya keamanan. Kita sewajarnya merasa amat bersyukur dengan keamanan sedia ada di Malaysia. Keamanan inilah yang membolehkan pelabuhan kita masih beroperasi dan tren kita masih berjalan lancar. Marilah kita bersyukur dengan keamanan sedia ada ini sambil terus mematuhi undang-undang demi mengekalkan keharmonian yang kita cintai

7. KEHARMONIAN DAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

Kita melihat trend di mana perpecahan dan provokasi mudah tercetus di media sosial, yang jika dibiarkan, boleh mengganggu tumpuan kita terhadap pembangunan infrastruktur rakyat.

Tanpa keharmonian, pelabur akan lari. Tanpa kepatuhan undang-undang, ekonomi negara akan terjejas.

Keharmonian yang kita nikmati ini perlulah terus diperteguh dan dipelihara agar ia kekal menjadi tunjang kekuatan negara. Inilah nilai yang bakal kita raikan dalam suasana penuh kesyukuran tidak lama lagi, sebagai bukti keutuhan perpaduan rakyat Malaysia. Marilah kita jadikan sambutan ini sebagai platform untuk merapatkan jurang dan mengeratkan silaturahim sesama kita, demi kestabilan masa depan negara.

8. KESELAMATAN JALAN RAYA & UCAPAN AIDILFITRI

Menjelang Hari Raya Aidilfitri, kita sering berdepan dengan peningkatan mendadak kemalangan jalan raya yang meragut nyawa akibat kecuaiian dan kegagalan merancang perjalanan.

Justeru itu, MOT akan melaksanakan **Road Ban terhadap kenderaan berat** pada **19-20 March** dan **28-29 March** sempena Hari Raya Aidilfitri ini.

Setiap nyawa yang hilang di jalan raya adalah kerugian besar buat negara. Kita tidak mahu sambutan kemenangan Ramadan bertukar menjadi tragedi air mata hanya kerana sikap tidak sabar di jalan raya.

Saya menyeru rakyat untuk mengutamakan pengangkutan awam. Bagi yang memandu, periksa kenderaan dan patuhi had

laju. Kepada JPJ, pastikan penguatkuasaan berada pada tahap tertinggi. Biarlah kita semua sampai ke kampung halaman dengan selamat.

9. PENUTUP

Tuan-tuan/Puan-puan,

Cabaran yang kita hadapi hari ini adalah tangga untuk kita mendaki lebih tinggi esok. Bekerjalah dengan integriti, pastikan apa yang kita rancang dilaksanakan dengan jaya dan berimpak.

Kepada seluruh warga MOT, saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Terima kasih.